

PERSEPSI SOSIAL GURU TENTANG PROGRAM PEMBAIKAN PRESTASI  
SEKOLAH DAN KAITANNYA DENGAN BEBAN TUGAS GURU

NURULAMIZAH BINTI ABD REH SEDEK

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan dan Pembangunan)

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

JULAI 2012

## *DEDIKASI*

*Khas buat...*

*Suami – Azizi bin Malik*

*Ibu – Puan Arbainah binti Othman*

*Ayah Mertua – Haji Malik bin Haji Ayob*

*Ibu Mertua – Puan Hajah Fatimah binti Ahmad*

*Seluruh ahli keluarga yang tercinta*

*dan tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan*

*Puan Jurwin binti Salim dan Puan Norfazlynda binti Abdul Razak*

*Terima kasih atas segala pengorbanan dan sokongan yang diberi sepanjang pengajian ini. Semoga Rahmat Allah sentiasa melimpahi kita di dunia dan di akhirat.*

*Al-Fatihah disedekahkan kepada Ayahanda Allahyarham Abd Reh Sedek bin Ali*

*(4 Jun 1952 – 8 Julai 1999)*

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, dapat juga akhirnya saya menyiapkan Projek Sarjana ini sebagai memenuhi keperluan syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan dan Pembangunan).

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Dr Mohamed Najib bin Abdul Ghafar yang sedia membantu dan membimbing baik di dalam mahu pun di luar waktu kuliah. Tanpa kerjasama dan bantuan penuh yang diberikan, adalah mustahil kajian ini dapat disempurnakan.

Ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada suami, ibu bapa dan keluarga tercinta atas segala pengorbanan, pengertian, sokongan dan dorongan yang diberikan terutama di sepanjang tempoh pengajian ini.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada semua pensyarah (Prof. Madya Dr Baharin Abu, Dr Bambang Sumintono, Prof. Dr Ismal Kailani, Prof. Madya Dr Yusof Boon, , Dr Mahani Mokhtar dan Dr Abdul Rahim Hamdan) yang telah mencurahkan ilmu di sepanjang tempoh pengajian ini, serta rakan-rakan yang telah memberi kerjasama dan penuh pengertian.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Johor dan Guru-Guru Besar di sekolah-sekolah yang terlibat kerana memberi kebenaran kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Terima kasih kepada semua guru yang telah meluangkan masa untuk memberi respon kepada soal selidik yang dikemukakan.

Semoga kerjasama dan bakti yang dicurahkan akan mendapat ganjaran dari Yang Maha Kuasa dan semoga Allah memberkati kehidupan kita semua di dunia dan akhirat. Amin.

Sekian, salam hormat

Nurulamizah binti Abd Reh Sedek

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi sosial guru tentang program pembaikan prestasi sekolah dan kaitannya dengan beban tugas guru di daerah Kluang, Johor. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan data diperolehi daripada kaedah soal selidik yang menggunakan skala Likert lima mata bagi persepsi sosial guru dan bagi bahagian beban tugas guru diukur dengan mengira jumlah masa seminggu yang digunakan bagi melakukan sesuatu jenis kerja. Populasi kajian adalah 1461 orang guru daripada 41 buah sekolah kebangsaan di Daerah Kluang. Sampel kajian terdiri daripada 306 orang guru yang dipilih secara rawak. Data diproses melibatkan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Hasil kajian mendapati persepsi sosial guru tentang program pembaikan prestasi sekolah adalah tinggi (min= 4.04). Didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan persepsi sosial guru apabila dikaitkan dengan jantina, taraf perkahwinan, status jawatan, jawatan pentadbiran, taraf sekolah dan sebagai guru kelas. Kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara beban tugas guru dengan jantina, taraf perkahwinan, status jawatan, jawatan pentadbiran, taraf sekolah dan sebagai guru kelas. Analisis dari ujian Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang tinggi yang berbentuk songsang antara persepsi sosial guru dengan purata saiz kelas (nilai  $r = -0.96^*$ ) dan terdapat hubungan yang sederhana antara beban tugas rasmi dengan beban tugas bukan rasmi (nilai  $r = 0.42^{**}$ ). Dapatan kajian ini menunjukkan guru-guru memberikan respons positif bahawa program pembaikan prestasi sekolah itu baik tetapi tidak ada hubungan yang signifikan dengan beban tugas guru.

## ABSTRACT

The purpose of this study is to investigate teachers' perception on the school improvement program and significant relationship to teachers' workload in the Klauang district. Research instrument used is questionnaire to observe the teachers' perception on the school improvement program and significant relationship to teachers' workload. A total of 306 from populations of 1461 primary teachers are chosen to be respondents. Data that has been collected is analyzed using SPSS 17.0 to find the mean, frequency, percentage and standard deviation, while t-test, ANOVA and Pearson Correlation Coefficient are used to analyze the hypothesis. The findings showed that the teachers' social perception on school improvement was high (mean= 4.04). Meanwhile, there was no significant differences teachers' social perception with gender, marital status, job status, administrative position, school status and classroom teacher. Apart from that, there was an inverse correlation between teachers' social perception with class size ( $r = -0.96^*$ ) and there was a moderate relationship between official and non-official workload ( $r = 0.42^{**}$ ). In conclusion, teachers had a positive view on school improvement program but it was not significantly related to teachers' workload.

## KANDUNGAN

<b>BAB PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
PENGESAHAN STATUS TESIS	
PENGESAHAN PENYELIA	
HALAMAN PENGAKUAN	
HALAMAN JUDUL	i
DEDIKASI	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SIMBOL	xv
SENARAI APENDIKS	xvi
<b>1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	3
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Hipotesis Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	7
1.8 Batasan Kajian	8
1.9 Kerangka Konsep Kajian	9
1.10 Definisi Istilah	9
1.10.1 Persepsi Sosial	9
1.10.2 Program Pembaikan Prestasi Sekolah	11
1.10.3 Beban Tugas	11
1.10.4 Tugas Guru	12

1.10.5	Guru	12
<b>2</b>	<b>SOROTON PENULISAN</b>	
2.1	Pengenalan	13
2.2	Persepsi Sosial	13
2.3	Program Pembaikan Prestasi Sekolah (SIP: School Improvement Program)	15
2.4	Tugas Guru	21
2.5	Beban Tugas Guru	22
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pendahuluan	25
3.2	Reka Bentuk Kajian	25
3.3	Populasi, Sampel dan Tempat Kajian	27
3.4	Instrumen Kajian	28
	3.4.1 Bahagian A : Latar belakang Responden	29
	3.4.2 Bahagian B: Soal Selidik Beban Tugas Guru	30
	3.4.3 Bahagian C: Soal Selidik Persepsi Sosial Guru Tentang Program Pembaikan Prestasi Sekolah	32
3.5	Prosedur Kajian	33
3.6	Takwim Kajian	33
3.7	Kajian Rintis	34
3.8	Pembolehkan Kajian	35
3.9	Analisis Data	36
	3.9.1 Kaedah Deskriptif	38
	3.9.2 Kaedah Inferensi	38
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pendahuluan	40
	4.2 Huraiaan Latar Belakang Responden	40
	4.2.1 Jantina	40
	4.2.2 Peringkat Umur	41
	4.2.3 Status Perkahwinan Responden	41
	4.2.4 Keturunan	42

4.2.5	Pengalaman Mengajar Responden	42
4.2.6	Status Jawatan Guru	43
4.2.7	Bilangan Pelajar Seminggu Yang Diajar	43
4.2.8	Purata Saiz Kelas	44
4.2.9	Jawatan Pentadbiran	44
4.2.10	Taraf Sekolah	45
4.2.11	Adakah Responden Sebagai Guru Kelas	45
4.3	Persepsi Sosial Guru Tentang Program Pembaikan Prestasi Sekolah	46
4.4	Beban Tugas Guru	51
4.4.1	Beban Tugas Rasmi	51
4.4.2	Beban Tugas Bukan Rasmi	54
4.5	Dapatan dan Analisis Inferensi	56
4.5.1	Hipotesis Pertama (Ho 1.1)	58
4.5.2	Hipotesis Kedua (Ho 1.2)	58
4.5.3	Hipotesis Ketiga (Ho 1.3)	59
4.5.4	Hipotesis Keempat (Ho 1.4)	59
4.5.5	Hipotesis Kelima (Ho 1.5)	60
4.5.6	Hipotesis Keenam (Ho 1.6)	61
4.5.7	Hipotesis Ketujuh (Ho 1.7)	61
4.5.8	Hipotesis Kelapan (Ho 1.8)	62
4.5.9	Hipotesis Kesembilan (Ho 1.9)	63
4.5.10	Hipotesis Kesepuluh (Ho 1.10)	63
4.5.11	Hipotesis Kesebelas (Ho 2.1)	64
4.5.12	Hipotesis Kedua Belas (Ho 2.2)	64
4.5.13	Hipotesis Ketiga Belas (Ho 2.3)	65
4.5.14	Hipotesis Keempat Belas (Ho 2.4)	65
4.5.15	Hipotesis Kelima Belas (Ho 2.5)	66
4.5.16	Hipotesis Keenam Belas (Ho 2.6)	66
4.5.17	Hipotesis Ketujuh Belas (Ho 2.7)	67
4.5.18	Hipotesis Kelapan Belas (Ho 2.8)	68
4.5.19	Hipotesis Kesembilan Belas (Ho 2.9)	69
4.5.20	Hipotesis Kedua Puluh (Ho 2.10)	69
4.5.21	Hipotesis Kedua Puluh Satu (Ho 3.0)	70



4.5.22	Hipotesis Kedua Puluh Dua (Ho 3.2)	71
4.5.23	Hipotesis Kedua Puluh Tiga (Ho 3.3)	71
4.5.24	Hipotesis Kedua Puluh Empat (Ho 3.4)	72
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.1	Pendahuluan	73
5.2	Ringkasan Kajian	73
5.3	Keputusan dan Implikasi Kajian	75
5.4	Menjawab Objektif dan Hipotesis Kajian	77
5.5	Cadangan – Cadangan	86
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	86
5.7	Kesimpulan	87
	<b>RUJUKAN</b>	89
	<b>LAMPIRAN</b>	95

## SENARAI JADUAL

<b>NO.</b>	<b>JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.1		Jadual Spesifikasi Instrumen	28
3.2		Skala Jawapan Untuk Soal Selidik Persepsi Sosial Guru Tentang Program Pembaikan Prestasi Sekolah	31
3.3		Kaedah Analisis Data	36
4.1		Taburan Responden Mengikut Jantina	39
4.2		Taburan Responden Mengikut Umur	39
4.3		Taburan Status Perkahwinan Responden	40
4.4		Taburan Responden Mengikut Keturunan	40
4.5		Taburan Pengalaman Mengajar Responden	41
4.6		Taburan Status Jawatan Guru	41
4.7		Taburan Jumlah Bilangan Pelajar Seminggu Yang Diajar	42
4.8		Taburan Purata Saiz Kelas	42
4.9		Taburan Status Jawatan Pentadbiran	43
4.10		Taburan Taraf Sekolah	43
4.11		Taburan Adakah Sebagai Guru Kelas	43
4.12		Analisis Persepsi Sosial Guru Tentang Program Pembaikan Prestasi Sekolah	44
4.13		Analisis Rumusan Persepsi Sosial Guru Tentang Program Pembaikan Prestasi Sekolah	47
4.14		Jadual Pemingkatan Min	48
4.15		Pembahagian Jumlah Jam Dalam Seminggu Bagi Menjalankan Tugas Rasmi Yang Berbentuk Akademik Rutin	49

<b>NO.</b>	<b>JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.16		Pembahagian Jumlah Jam Dalam Seminggu Bagi Menjalankan Tugas Rasmi Yang Berbentuk Akademik Bermusim	50
4.17		Pembahagian Purata Masa (Jam) Dalam Seminggu Bagi Menjalankan Tugas Akademik	50
4.18		Pembahagian Jumlah Masa (Jam) Dalam Seminggu Bagi Menjalankan Tugas Bukan Rasmi	51
4.19		Pembahagian Masa (Jam) Guru Bagi Menjalankan Tugas Dalam Seminggu	53
4.20		Persepsi Sosial Guru Dengan Jantina	55
4.21		Analisis Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Persepsi Sosial Guru Dengan Umur	55
4.22		Persepsi Sosial Guru Dengan Status Perkahwinan	56
4.23		Analisis Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Persepsi Sosial Guru Dengan Pengalaman Mengajar	56
4.24		Persepsi Sosial Guru Dengan Status Jawatan	57
4.25		Analisis Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Persepsi Sosial Guru Dengan Bilangan Pelajar Yang Diajar	58
4.26		Analisis Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Persepsi Sosial Guru Dengan Purata Saiz Kelas	58

<b>NO.</b>	<b>JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.27		Analisis Skor Min Dan ANOVA Sehal Perbandingan Persepsi Sosial Guru Dengan Jawatan Pentadbiran	59
4.28		Persepsi Sosial Guru Dengan Taraf Sekolah	60
4.29		Persepsi Sosial Guru Dengan Sebagai Guru Kelas.	60
4.30		Beban Tugas Guru Dengan Jantina	61
4.31		Analisis Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Beban Tugas Guru Dengan Umur	61
4.32		Beban Tugas Guru Dengan Status Perkahwinan	62
4.33		Analisis Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Beban Tugas Guru Dengan Pengalaman Mengajar	62
4.34		Beban Tugas Guru Dengan Status Jawatan	63
4.35		Analisis Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Beban Tugas Guru Dengan Bilangan Pelajar Yang Diajar	63
4.36		Analisis Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Beban Tugas Guru Dengan Purata Saiz Kelas	64
4.37		Analisis Skor Min Dan Anova Sehal Perbandingan Beban Tugas Guru Dengan Jawatan Pentadbiran	64
4.38		Beban Tugas Guru Dengan Taraf Sekolah	65
4.39		Beban Tugas Guru Dengan Sebagai Guru Kelas	66
4.40		Analisis Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Beban Tugas Guru Dengan Persepsi Sosial Guru	67
4.41		Analisis Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Beban Tugas Rasmi Dengan Persepsi Sosial Guru	67

<b>NO.</b>	<b>JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
4.42		Analisis Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Beban Tugas Bukan Rasmi Dengan Persepsi Sosial Guru	68
4.43		Analisis Korelasi Pearson Bagi Hubungan Antara Beban Tugas Rasmi Dengan Beban Tugas Bukan Rasmi	68

**SENARAI RAJAH**

<b>NO.</b>	<b>RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1		Kerangka Model Kajian	9
2.1		Interaksi Antara Individu Yang Berbeza	14
2.2		Proses Persepsi	15
3.1		Proses Reka Bentuk Kajian	25
3.2		Hubungan Antara Pembolehubah Bebas dan Pembolehubah Bersandar	35
4.1		Pembahagian Masa (Jam) Yang Digunakan Dalam Menjalankan Beban Tugas Rasmi Yang Berbentuk Akademik	51
4.2		Pembahagian Masa (Jam) Yang Digunakan Dalam Menjalankan Beban Tugas Rasmi Dan Beban Tugas Bukan Rasmi	53

## SENARAI SIMBOL / SINGKATAN

### TAJUK

SIT	<i>School Improvement Tool</i>
SBT	Sekolah Berprestasi Tinggi
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
RMK- 9	Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 – 2010)
RMK-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011 – 2015)
NUTP	<i>National Union of the Teaching Profession</i> (Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan)
SK	Sekolah Kebangsaan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 - 2010
NKRA	<i>National Key Result Area</i> (Enam Bidang Keberhasilan Negara)
SIP	<i>School Improvement Program</i>
IAB	Institut Aminudin Baki
ILO	<i>International Labour Organizations</i>
SJK ( C )	Sekolah Jenis Kebangsaan ( Cina)
SJK ( T )	Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)
ANOVA	Analisis Varians
SPSS	<i>Statistical Package For the Social Sciences</i>
Sig.	Signifikan
S.P	Sisihan Piawai

**SENARAI APENDIKS**

<b>APENDIKS</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	95
B	Surat Pengesahan Status Pelajar	102
C	Surat Kebenaran Kementerian Pelajaran	103
D	Surat Kebenaran Jabatan Pelajaran	105



# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Pendidikan di Malaysia merupakan satu isu yang sentiasa mendapat perhatian semua pihak. Menyedari kepentingan pendidikan kepada masyarakat, pelbagai institusi pendidikan seperti pra sekolah, sekolah, institusi pengajian tinggi, pusat-pusat latihan vokasional, pusat-pusat tuisyen dan sebagainya diwujudkan bagi memenuhi permintaan rakyat Malaysia yang dahagakan ilmu pengetahuan. Antara institusi pendidikan yang penting dan sering mendapat perhatian ibu bapa ialah sekolah.

Sekolah berasal daripada bahasa Inggeris iaitu *school* yang diambil daripada bahasa Yunani yang membawa maksud masa lapang atau *leisure*. Sekolah ialah institusi pendidikan yang berbentuk formal di mana ia boleh membentuk pemikiran, tingkah laku dan sikap murid-murid bagi melahirkan generasi seimbang baik dari segi mental dan rohani. Kewujudan sekolah adalah disebabkan desakan atau perubahan sosial, keperluan ekonomi dan juga negara. Seperti institusi lain, sekolah merupakan institusi yang amat penting. Tanpa sekolah, masyarakat akan menjadi mundur dan buta huruf. Di Malaysia, semua rakyatnya diwajibkan untuk ke sekolah. Syarat ini telah bermula sejak tahun 1900-an lagi dan rakyat berhak untuk mendapat pendidikan percuma sekurang-kurangnya 9 tahun (Mohd Salleh Lebar, 2007).

Akhbar Berita Harian bertarikh 23 Mac 2010, menyatakan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran pada ketika itu, Muhyiddin bin Yassin berkata Program Pembaikan Prestasi Sekolah mengandungi dua intipati utama iaitu toolkit pembangunan prestasi sekolah (SIT) bagi menganalisis kekuatan dan kekurangan

sesebuah sekolah berdasarkan kepimpinan, guru, murid dan ibu bapa serta infrastruktur.

Hasil daripada analisis SIT itu setiap sekolah akan merangka dan merancang Pelan Pembangunan Prestasi sekolah masing-masing dan akan diserahkan kepada kementerian untuk dianalisis bagi menentukan pelan terbaik untuk sekolah itu. Pemilihan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) akan dilakukan secara berperingkat kerana sekolah yang terlibat perlu melalui proses tertentu bagi memastikan mereka benar-benar layak.

Pada masa ini kementerian masih mengekalkan 20 SBT kerana menjaga kualiti, ini kerana kementerian tidak ingin memberi kelayakan dengan mudah kepada sekolah yang tidak layak. Sekolah perlu memenuhi kriteria yang tinggi. Faktor kewangan juga perlu diambil kira kerana kementerian sendiri menghadapi masalah kekangan kewangan memandangkan sekolah-sekolah yang telah mendapat status SBT perlu dibantu bagi mereka mempertahankan kedudukan mereka sebagai SBT.

Pembaikan sekolah membawa maksud menjadikan sekolah sebagai tempat yang selesa dan lebih baik untuk pengajaran dan pembelajaran. Kayu pengukurannya, bergantung kepada perubahan pada dua peringkat iaitu, peringkat sekolah dan juga di dalam bilik darjah. Komitmen sekolah perlu bagi mencapai kehendak dan keperluan murid, ibu bapa dan ahli-ahli yang lain. Kiranya pembaikan sekolah itu merujuk kepada pendekatan yang sistematik untuk meningkatkan kualiti sekolah. Sekolah menjalankan program pembaikan sekolah mengikut keperluannya dan wawasan warganya, mengikut acuannya sendiri.

Sekolah yang berkesan mengesan kemajuan murid secara sistematik melalui pengesanan yang teratur iaitu setiap pengetua dan guru mengawasi kemajuan murid berpandukan kepada kehendak dan objektif pengajaran. Di sekolah berkesan murid digalakkan bertanggung jawab sepenuhnya menguruskan kegiatan seharian mereka seperti menjaga alat-alat kemudahan sekolah dan buku mereka. Sementara kerja rumah dan latihan diperbanyakkan dan diperiksa oleh guru. Keutamaan adalah terhadap prestasi akademik yang tinggi dan murid digalakkan belajar dengan bersungguh-sungguh untuk berjaya. Murid yang berjaya akan diberi penghargaan serta maklum balas yang cepat dan berterusan terhadap prestasi murid berkenaan.

Di sekolah yang berkesan murid juga memainkan peranan penting berbanding guru. Oleh itu, sekolah perlu beri keyakinan kepada murid bahawa mereka bertanggung jawab sepenuhnya terhadap pelajaran mereka. Dalam kajian yang telah dibuat oleh Rahimah et. al., (1996) di dalam kertas kerja yang bertajuk 'Towards Developing a Profile of Effective and Less Effective School' , mereka telah menjawab persoalan apakah yang telah digunakan sebagai ukuran kepada keberkesanan sekolah. Berdasarkan hasil kajian, mereka berpendapat bahawa keberkesanan sekolah selalunya diukur dari segi output atau hasil persekolahan yang lazimnya dikaitkan dengan pencapaian akademik pelajar.

Sistem pendidikan sekarang telah berkembang dengan pesat seiring dengan kehendak Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Secara tidak langsung kurikulum standard ini telah menyebabkan beban tugas guru yang sedia ada bertambah terutama dalam penyediaan alat bantu mengajar, bahan-bahan pengajaran dan persediaan mengajar. Guru-guru hari ini bukan sahaja bertugas di dalam bilik darjah malah dalam masa yang sama juga menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan perkeranian dan ko-kurikulum. Guru juga perlu memastikan kelicinan program di pelbagai peringkat sama ada di sekolah, daerah atau negeri.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) mencatatkan modal insan sebagai pelaburan yang terpenting. Kelayakan pendidikan yang tinggi menyokong pembangunan pengetahuan dan inovasi. Dalam tempoh ini, kerajaan akan mengguna pakai rangka pembangunan modal insan yang bersepadu yang akan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran rakyat bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak, pendidikan asas, pendidikan tertiar sehingga ke alam pekerjaan. Bermula dengan rombakan sistem pendidikan untuk meningkatkan prestasi pelajar dengan signifikan, meningkatkan kemahiran rakyat untuk meluaskan kebolehpasaran dan menyusun pekerjaan untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi.

Bagi mencapai cita-cita tersebut Program Pembaikan Prestasi Sekolah yang dilancarkan pada April 2010 merupakan usaha yang menyeluruh dengan harapan dan

cabaran yang tinggi, serta meningkatkan motivasi dan sokongan kepada sekolah awam untuk mengukuhkan prestasi pelajar, khususnya sekolah berprestasi rendah yang amat memerlukan bantuan.

Program ini mengandungi elemen-elemen yang berikut:

#### 1.2.1 Penyenaiaan Kedudukan Prestasi Sekolah

Setiap tahun semua sekolah akan dinilai dan disusun mengikut kedudukan pencapaian prestasi. Penjelasan terperinci berkenaan penarafan prestasi akan dimaklumkan kepada sekolah untuk meningkatkan pemahaman dan ketelusan terhadap kaedah penilaian yang dibuat. Langkah ini bertujuan mendorong sekolah untuk mencapai prestasi yang lebih baik dan membolehkan Kementerian Pelajaran Malaysia menyalurkan sumber kepada sekolah yang amat memerlukan sokongan.

#### 1.2.2 Pelan dan Instrumen Penambahbaikan Sekolah

Pelan dan Instrumen Penambahbaikan Sekolah akan dilaksana di semua sekolah awam sebagai alat sokongan untuk membantu sekolah membuat penambahbaikan. Instrumen ini akan memberi gambaran menyeluruh kepada guru besar dan pengetua tentang prestasi sekolah masing-masing untuk menentukan isu yang perlu ditangani mengikut keutamaan serta menyediakan pelan tindakan selanjutnya. Sekolah akan merangka pelan penambahbaikan sebagai asas bagi memantau kemajuan dan membantu Kementerian Pelajaran Malaysia menyediakan sokongan yang sesuai untuk menjayakan pelan tersebut.

Infrastruktur dan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air, sanitasi dan alat bantuan mengajar adalah asas kepada peningkatan prestasi pelajar. Kerajaan komited bagi menyediakan kemudahan dan infrastruktur asas ini kepada semua sekolah. Sebagai sebahagian daripada Program Pembaikan Prestasi Sekolah, kerajaan akan terus memberi fokus kepada penyediaan kemudahan dan infrastruktur di sekolah yang amat memerlukan sokongan.

Akhbar Berita Harian bertarikh, 14 November 2011, menyatakan cadangan kerajaan untuk melaksanakan program perintis sistem kerja sembilan jam bagi guru mulai Januari 2012 yang ditolak Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan

(NUTP) menjadi isu terbaru yang hangat dibincangkan kelompok keguruan sekarang. Bagi kesatuan terbabit, cadangan menetapkan tempoh waktu kerja bagi guru adalah sesuatu yang tidak boleh diterima. Alasan bagi menyokong pendirian ini ialah tugas guru tidak tamat selepas waktu persekolahan. Kementerian Pelajaran pula mahu guru bersikap terbuka terhadap cadangan itu. Timbalan Menteri Pelajaran pada ketika itu, Dr Wee Ka Siong memberi kenyataan bahawa program perintis itu hanyalah kajian awal yang membabitkan 5,000 guru di empat negeri. Sama ada ia dilaksanakan atau sebaliknya kepada keseluruhan warga perguruan belum dimuktamadkan dan bergantung kepada hasil kajian itu yang mengambil masa enam bulan.

Program perintis itu seperti dijelaskan beliau adalah sebahagian daripada usaha menangani isu beban tugas guru yang dikatakan semakin berat sekarang. Isu beban tugas guru ini memang sukar difahami masyarakat umum melainkan ada dalam kalangan keluarga atau rakan mereka terbabit dalam kerjaya itu. Tidak seperti kebanyakan kerjaya lain, tugas guru tidak terikat kepada waktu persekolahan. Selain terpaksa membawa kerja balik ke rumah, guru kadang kala terpaksa membuat kerja yang tidak ada kaitan dengan tugas mengajar seperti menghadiri mesyuarat sekolah, mengikuti program peringkat daerah atau peringkat negeri atau wakil pengetua atau gurubesar.

Di samping itu, para guru juga terpaksa melakukan penyeliaan dan bimbingan aktiviti kokurikulum seperti persatuan, sukan dan badan beruniform. Ini tidak termasuk mengiringi pelajar menyertai program di luar sekolah yang mungkin mengambil masa beberapa jam mahupun beberapa hari. Semua ini dilakukan tanpa kemudahan bayaran lebih masa, tuntutan perbatuan yang dicatu mahupun lebih masa yang digunakan untuk tugas rasmi diganti sebagai cuti rehat pada keesokan harinya. Namun, bagi kebanyakan guru, beban itu tidak pernah dipertikaikan kerana menyedari mereka sudah memilih kerjaya yang tanggungjawabnya menjangkau waktu kerja. Walaupun begitu penyelesaian harus dicari bagi meringankan beban ini kerana lambat laun ia akan menjejaskan kesihatan dan kecergasan guru itu sendiri, selanjutnya memberi kesan negatif kepada murid. Sewajarnya Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil kira kebajikan guru dalam menilai buruk baiknya penetapan waktu kerja sembilan jam ini sebelum membuat keputusan untuk melaksanakannya.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian ini akan menjawab persoalan “Apakah persepsi sosial guru tentang program perbaikan prestasi sekolah dan kaitannya dengan beban tugas guru?”. Permasalahan asas dalam kajian ini ialah menganalisis persoalan beban tugas guru dan kaitannya dengan persepsi sosial terhadap program Program Perbaikan Prestasi Sekolah. Dalam konteks ini, guru dianggap sebagai tunggak pelaksana sistem pendidikan negara. Peranan guru dan institusi pendidikan formal amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Boleh dikatakan kekuatan dan keberkesanan sistem pendidikan bergantung kepada keberkesanan dan kualiti prestasi para guru. Melalui penelitian permasalahan asas ini diharapkan dapat dikemukakan fakta-fakta penting yang boleh mengukuhkan atau menyangkal kenyataan persepsi sosial guru tentang Program Perbaikan Prestasi Sekolah dengan kaitannya dengan beban tugas guru.

### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk:

- i. Menenalpasti persepsi sosial guru terhadap Program Perbaikan Prestasi Sekolah.
- ii. Menenalpasti beban tugas guru
- iii. Menenalpasti kaitan beban tugas guru dan persepsi sosial guru tentang Program Perbaikan Prestasi Sekolah.

## 1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian yang ditetapkan, persoalan-persoalan berikut akan menjadi panduan pelaksanaan kajian ini:

- i. Apakah persepsi sosial guru terhadap Program Pembaikan Prestasi Sekolah?
- ii. Apakah beban tugas guru?
- iii. Apakah kaitan beban tugas guru dan persepsi sosial?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini ialah:

*Hipotesis null*: Tidak terdapat perbezaan persepsi sosial guru tentang Program Pembaikan Prestasi Sekolah dan kaitannya dengan beban tugas guru.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting kerana ia boleh memberi gambaran sebenar tentang persepsi sosial guru tentang Program Pembaikan Prestasi Sekolah dan kaitannya dengan beban tugas guru. Selain itu, kajian ini turut mengenalpasti beban tugas guru yang wujud di kalangan guru-guru sekolah rendah kebangsaan (SK) dalam melaksanakan Program Pembaikan Prestasi Sekolah. Dapatan yang diperolehi melalui kajian ini dapat membantu golongan yang terlibat dalam bidang pendidikan. Mereka terdiri daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, sekolah dan warganya.

Data dan maklumat yang diperolehi daripada kajian ini boleh digunakan sebagai panduan, pertimbangan atau perbincangan supaya Kementerian Pelajaran Malaysia

membuat pertimbangan untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap beban tugas yang dihadapi guru., membolehkan pakar mencari langkah alternatif agar Program Pembaikan Prestasi Sekolah dapat dilaksanakan dengan berkesan oleh sekolah dan warganya yang terlibat dan membolehkan kursus/program pengajian pendidikan diadakan bagi membolehkan guru-guru sekolah rendah kebangsaan menerapkan Program Pembaikan Prestasi Sekolah di sekolah masing-masing. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru-guru untuk menilai tahap kesediaan diri mereka sebelum melaksanakan Program Pembaikan Prestasi Sekolah. Seterusnya, guru-guru diharap dapat bersedia dan menerima Program Pembaikan Prestasi Sekolah di sekolah masing-masing.


## **1.8 Batasan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini hanya memfokus kepada guru-guru di sekolah rendah kebangsaan (SK) di Daerah Kluang sahaja. Guru-guru di sekolah rendah jenis kebangsaan dikecualikan dalam kajian ini. Kajian ini juga tertumpu pada satu Daerah sahaja dengan mengecualikan daerah-daerah lain. Walaupun semua guru di SK Daerah Kluang yang dikaji diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam kajian ini namun tidak semua yang mengambil bahagian. Mungkin jika semua guru di SK Daerah Kluang mengambil bahagian maka terdapat kemungkinan hasil kajian akan berbeza. Penilaian terhadap persepsi sosial Program Pembaikan Prestasi Sekolah dan kaitan dengan beban tugas guru dilakukan menggunakan instrumen di dalam kajian ini. Mungkin terdapat item-item dalam borang kaji selidik yang kurang atau tidak difahami oleh responden yang menyebabkan mereka memberikan jawapan-jawapan yang tidak tepat. Ini merupakan kelemahan utama borang kaji selidik berbanding kaedah temuduga di mana responden berpeluang bertanya dan mendapat penjelasan tentang perkara-perkara yang tidak jelas secara langsung. Jawapan-jawapan yang tidak tepat daripada responden boleh menjejaskan kredibiliti sesuatu kajian.



## 1.9 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka kajian ini berdasarkan interaksi antara individu yang berbeza yang disarankan oleh Wright dan Neo (1996). Andaian dalam kajian ini ialah guru yang merasakan tugas guru membebankan akan mempunyai persepsi bahawa Program Pembaikan Prestasi Sekolah membebankan dan guru yang merasakan tugas guru tidak membebankan mempunyai persepsi Program Pembaikan Prestasi Sekolah ini tidak membebankan



**Rajah 1.1 :** Kerangka Model Kajian

## 1.10 Definisi Istilah

### 1.10.1 Persepsi sosial

Definisi mengenai persepsi telah banyak dikemukakan oleh para ilmunan, antaranya Bruner, (dalam Irmawati,2004) menyatakan bahawa persepsi adalah proses kategorisasi. Individu dirangsang oleh objek, subjek, peristiwa dan lain-lain. Individu bertindak balas dengan mengaitkan salah satu kategori (golongan) objek atau peristiwa. Proses ini berjalan aktif sehingga seseorang dapat mengenali atau memberi erti kepada sesuatu yang dilihat dan didengar. Persepsi jenis ini bersifat inferensial serta berubah-ubah.

Menurut Moates et. al., (1980) persepsi adalah proses penentu stimulus yang ada pada diri seseorang, maksudnya persepsi bagi seorang individu adalah bergantung dari jenis maklumat yang diterima daripada persekitaran. Jadi, untuk menentukan

maksud dari persepsi bagi seseorang bergantung dari stimulus atau kejadian yang dirasakan seseorang, di mana dalam hal ini terjadi hubungan antara stimulus persekitaran dengan pengetahuan yang dimiliki seseorang. Persepsi adalah kesediaan individu bertindak balas terhadap objek-objek dan kejadian-kejadian di persekitaran yang diterima organ tubuh individu sebagai suatu stimulus (Armanizam, 2006). Chong Peng Hwa (2007) merumuskan bahawa persepsi berkaitan kognitif yang meliputi objek, tanda-tanda dan orang dari sudut pengetahuan orang yang berkenaan.

Persepsi mengikut Pareek (1984) dalam Irmawati (2004) merupakan suatu cara kerja atau proses yang rumit dan aktif, di mana persepsi tersebut terdiri daripada beberapa proses. Proses tersebut terdiri daripada proses menerima rangsangan, memilih, mengatur, mendefinisi, menguji, dan memberikan reaksi kepada stimulus tersebut. Dengan demikian persepsi merupakan penentu yang sangat penting bagi sikap dan perilaku seseorang. Dari huraian tersebut dapat disimpulkan bahawa persepsi merupakan suatu proses dalam diri seseorang untuk mengetahui, menginterpretasikan dan menilai objek atau subjek lain yang dipersepsi; berkaitan sifat-sifatnya, kualitasnya dan kedudukannya, sehingga terbentuklah gambaran mengenai objek atau subjek yang dipersepsikan.

Selain itu juga persepsi mengikut Najmiah (2006) ialah proses kesedaran terhadap objek atau kejadian termasuklah diri sendiri. Persepsi juga merupakan kesedaran dan reaksi terhadap rangsangan yang berkait rapat dengan perasaan dan deria. Setiap manusia mempunyai tanggapan berbeza terhadap sesuatu perkara. Ringkasnya setiap manusia mempunyai persepsi tersendiri.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), persepsi merupakan kebolehan untuk membuat tanggapan terhadap sesuatu yang tidak ketara atau tidak pasti. Persepsi juga boleh ditakrifkan sebagai sebarang perasaan, pendapat atau pandangan seseorang individu tentang sesuatu perkara atau peristiwa.

Persepsi menurut kajian ini merupakan satu proses tanggapan, pemahaman kesedaran individu terhadap penerimaan Program Pembaikan Prestasi Sekolah sebagai satu pembaharuan untuk penambahbaikan dan melonjakkan sistem pendidikan negara.

### 1.10.2 Program Pembaikan Prestasi Sekolah

Program ini adalah program daripada Kementerian Pelajaran Malaysia. Program ini bagi membantu sekolah-sekolah yang belum mencapai tahap Sekolah Berprestasi Tinggi melonjakkan prestasi mereka. Program ini bukan sesuatu yang baru, ianya telah lama diamalkan di Negara-negara maju.

Menurut Ghazali Othman (2001) Program Pembaikan Prestasi Sekolah boleh ditakrifkan sebagai sekolah yang bukan sahaja mencapai kecemerlangan akademik yang baik malahan memberi suasana yang selesa dan teratur serta mempunyai rasa tanggungjawab di kalangan pihak pengurusan, guru-guru dan pelajar-pelajar bagi mencapai aspirasi yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Pembaikan sekolah membawa maksud menjadikan sekolah sebagai tempat yang selesa dan lebih baik untuk pengajaran dan pembelajaran. Kayu pengukurnya, bergantung kepada perubahan pada dua peringkat iaitu, peringkat sekolah dan juga di dalam bilik darjah. Komitmen sekolah perlu bagi mencapai kehendak dan keperluan murid, ibu bapa dan ahli-ahli yang lain. Kiranya pembaikan sekolah itu merujuk kepada pendekatan yang sistematik untuk meningkatkan kualiti sekolah (Hairudin et.al., 2008)

### 1.10.3 Beban Tugas

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2000), jumlah tugas yang perlu dikerjakan oleh proses atau sistem dalam tempoh tertentu.

Menurut Abdul Rahman (2006), beban tugas adalah merujuk kepada tekanan dan tahap berat tanggungan kerja berdasarkan tugas yang harus dilaksanakan oleh seseorang guru berdasarkan tugas yang diberi kepada seorang guru.

Merujuk kepada tugas-tugas yang perlu dibuat oleh guru seperti membuat persediaan mengajar, menyemak latihan pelajar, tanggungjawab terhadap pelajaran dan pentadbiran: seperti mengisi borang dan lain-lain tanggungjawab yang mesti dipikul oleh seseorang sepanjang dia bekerja.

#### 1.10.4 Tugas Guru

Tugas guru adalah merujuk tugas yang dinyatakan dalam Pekeliling Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia, Bil. (5) dalam KPP (IP) No. 49 yang bertarikh 13 Julai 1976. Secara khusus tugas dikategori kepada dua jenis iaitu (i) tugas rasmi dan (ii) tugas bukan rasmi.

Sebahagian tugas dan peranan guru juga didapati dalam buku Panduan Tugas Staff Sekolah Rendah (2000). Dalam buku tersebut menjelaskan tugas guru sebagai guru matapelajaran, guru kelas, guru bertugas harian/mingguan, guru penyelaras kelas, guru buku teks dan guru siar raya. Antara tugas dan peranan guru yang lain adalah sebagai ahli dalam pelbagai jawatankuasa antaranya ialah jawatankuasa perancangan sekolah, jawatankuasa kewangan, jawatankuasa harta benda sekolah, jawatankuasa keselamatan sekolah, jawatankuasa keceriaan sekolah, jawatankuasa kebajikan murid, jawatankuasa data maklumat dan jawatankuasa kelab staf sekolah.

#### 1.10.5 Guru

Kamus Dewan (2000) mendefinisikan, guru adalah pendidik, pengajar dan pengasuh. Tiga kategori guru yang dimaksudkan ialah guru terlatih yang sedang mengajar di sekolah, guru terlatih yang sedang mengikuti kursus dalam perkhidmatan di institusi latihan perguruan dan guru pelatih yang sedang mengikuti kursus pra perkhidmatan di institusi latihan perguruan.

**RUJUKAN**

- \_\_\_\_\_ (2000). *Kamus Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- \_\_\_\_\_ (2007). *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abdullah Ishak (1989). *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Badan Dakwah dan Kebajikan Malaysia.
- Abdullah Sani Yahya (2003). *Perkembangan Pendidikan di Malaysia*. Petaling Jaya: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman b. Muhiyuddin (2006). *Kajian Beban Tugas Guru Sekolah Kebangsaan di Daerah Sri Aman, Sarawak*. Tesis Sarjana Pendidikan. Univerisiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Rahman Aziz (2000). *Pekerjaan dalam Kehidupan*. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn Bhd
- Abd Rahim Abd Rashid (2000). *Wawasan dan Agenda Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Zabidi Abdul Razak (2006). Ciri Iklim Sekolah Berkesan: Implikasinya Terhadap Motivasi Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan 31*. Universiti Malaya: Fakulti Pendidikan.
- Armanizam Mohamad Pon (2006). *Persepsi Guru-Guru Sekolah Rendah Daerah Kuching Dan Samarahan Terhadap Pelaksanaan Penilaian Prestasi*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Amin bin Senin (2010) *Pemikiran Semula Pembangunan Kepimpinan Sekolah*. Dimuat turun pada 11.10.2011 dari [www.iab.edu.my](http://www.iab.edu.my)

- Anoy binti Abu Bakar (2009). *Persepsi Guru Tentang Keberkesanan Program Perkembangan Staf (PPS)*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori Analisis & Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Burnham, J.W. & O’Sullivan, F. (2006). *Leadership and Professional Development in School*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Bhd.
- Bergeson, T (2003). *Nine Characteristics of High-Performing Schools*. Washington: State Superintendent of Public Instruction
- Baron. R.A, Branscombe, N.R, dan Byrne, D.R (2008). *Social Psychology (12<sup>th</sup> edition)*. London: Pearson
- Berita Harian (2011) 23 Mac
- Berita Harian (2011) 14 November
- Clancy, P.L (n.d). *19 Improving Schools And Why : Their “Formula For Success”*. Eastern Michigan University.
- Chong, Peng Hwa (2007). *Persepsi Guru-Guru Sekolah Rendah Di Johor Bahru Terhadap Pelaksanaan Program Headcount Dalam Pengurusan Akademik Pelajar*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia
- Education Improvement Commission (2000). *School Improvement Planning: A Handbook for Principals, Teachers and School Councils*. Toronto: Education Improvement Commission.
- Edmonds, R. (1978). Search for Effective Schools. The Identification and Analysis of City Schools. Are Instructionally Effective for Poor Children. Dalam Hussein Mahmood (1997). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Fun, Woo Sew (2008). *Faktor-Faktor yang Mendorong Tekanan Kerja (Stres) di Kalangan Guru-Guru SJK (C) : Satu Kajian di Tiga Buah Sekolah di Wilayah Persekutuan*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ghazali Othman (2001). Sekolah Berkesan dan Program Pembaikan Sekolah di Malaysia. *Educators Digest: Jilid 1, Bil. 2/2001, ISSN: 1511-8959*. USM: School of Educational Studies
- Hairuddin bin Mohd Ali, Abdul Aziz bin Md Nor dan Ahmad Rafee bin Che Kassim (2008). *The Strategic Leadership Styles for Malaysian National Primary School (NPS) Heads involved in the School Improvement Programme (SIP)*. Dimuat turun pada 10.10.2010 di [www.iab.edu.my](http://www.iab.edu.my)
- Hussein Ahmad Mohamaed Yusoff Mohd Nor (2003). Fenomena Sekolah Kecil dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan: Satu Analisis Isu Dasar, Akses, Ekuiti dan Kualiti. *Masalah Pendidikan Jilid 26*. Universiti Malaya: Fakulti Pendidikan.
- Hussein Mahmood (1993). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Irmawati (2004). *Pengaruh Prasangka Sosial terhadap Persepsi Kemampuan Kerja Karyawan*. Sumatera Utara: Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik.
- Juwin bt Salim (2011). *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Lelaki dan Perempuan di Asrama Anak-Anak Yatim Islam Kluang, Johor*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2000). *Panduan Tugas Staf Sekolah Rendah*. Petaling Jaya: Majlis Buku Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1997). *Kajian Tugas dan Tanggungjawab Guru Sekolah Rendah*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Krejcie, R.V dan Morgan, D.W. (1970). Determining Size For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.

- Learning Point Associates (2004). *Guide to Using Data In School Improvement Efforts: A Compilation of Knowledge From Data Retreats and Data Use at Learning Point Associates*. USA: Learning Point Associates
- Laman Web Rasmi Pejabat Pelajaran Daerah Kluang (2011). *Info Sekolah: Bilangan Guru*. Dimuat turun pada 10.10.2011 dari <http://wwwppdkluang.edu.my>
- Mior Khairul Azrin bin Mior Jamaluddin (2011). Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. *Sosiohumanika*, 4 (1) 2011
- Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal selidik Pendidikan*. Johor Bahru : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Salleh Lebar (2007). *Sosiologi Sekolah & Pendidikan*. Selangor : Thinker's Library Sdn.Bhd.
- Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). *Pengenalan Kepada Analisa Data Berkomputer: SPSS 11.0 for Windows*. Kuala Lumpur: Venton.
- Mohamed Sidek Daud (2000). *Persepsi Guru Sekolah Menengah Terhadap Pengajaran dalam Bahasa Inggeris*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mok Soon Sang (2003). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI: Semester 1 dan 2 Edisi ketiga*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Najmiah bt Ibrahim (2006). *Persepsi Terhadap Kemahiran Generik, Satu Kajian Kes di Kalangan Pelajar Tahun Lima Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan : (Pengajian Islam)*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norhayati binti Sidek (1996). *Kajian Awalan Ke Atas Hubungan Antara Kepimpinan Berkualiti dan Kualiti Pengajaran di Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana: Universiti Utara Malaysia.



- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 – 2010 (2006). Edisi Pelancaran.  
Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rahimah Hj Ahmad & Zulkifli A. Manaf (1996). Towards Developing a Profile of Effective and Less Effective School. *Journal Pendidikan*, 17. 51-64
- Robiah Sidin (1994). *Pendidikan di Malaysia: Cabaran untuk Masa Depan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Salwa Abu Bakar (1996). *Kajian Beban Tugas Guru Sekolah Menengah Di Daerah Johor Baharu, Johor*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Salahuddin bin Mohamed Nor (Nor) (1999). *Persepsi Guru Sekolah terhadap Peranan Pusat Sumber Pendidikan Negeri Ke Atas Proses Pengajaran dan Pembelajaran*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Shahabudin Hasyim (2003). *Psikologi Perkembangan dan Pembelajaran*. Petaling Jaya: PTS Publication and Distributor Sdn Bhd
- Siti Rohani Mohd Sharif (1991). *Pengaruh Faktor Sekolah ke Atas Tekanan Kerja*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Sufean Hussin (2001). Model Dasar Strategik bagi Pembangunan Organisasi Sekolah dalam Konteks Birokrasi Pemusatan. *Masalah Pendidikan* Jilid 24
- Subaidah bt Haleed (2001). *Persepsi Guru-Guru Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru Terhadap Kesan Penyeliaan Pengetua Ke Atas Peningkatan Kualiti Pengajaran Guru*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Sulaiman Masri (2005). *Siri Pengajian dan Pendidikan Utusan – Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal, Tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Tamyis Arbak (2005). *Persepsi Guru Terhadap Gaya Kepimpinan Pengetua Berkaitan Dengan Ciri-Ciri Pengetua Efektif di Sekolah Menengah di Daerah Batu Pahat, Johor*. Skudai : Univerisit Teknologi Malaysia.

Tinah binti Naim (2007). *Gaya Kepimpinan Pengetua dan Hubungannya dengan Stress Guru di sebuah Daerah di Negeri Johor*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri ( 2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015): Bab 5 Membangun dan Mengekalkan Modal Insan Bertaraf Dunia*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri

Wright, P.M and Neo, R.A (1996). *Management of Organization*. USA: Times Mirror Higher Education Group, Inc. Company